

## **Majlis konvokesyen ke – 10 (2018)**

### **Salam sejahtera**

Tuan/Puan

Kami ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan tuan/puan menamatkan pengajian di Ranaco Education & Training Institute (RETI). Berikut adalah maklumat penting mengenai majlis berkenaan yang perlu diambil perhatian oleh graduan.

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tempat</b>	<b>Masa</b>	<b>Pakaian</b>
27 Julai 2018 (Jumaat)	Raptai Penuh	AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN	8.30 pagi – 12.30 petang	Bebas & Sopan
28 Julai 2018 (Sabtu)	Majlis Konvokesyen	AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN	7.30 Pagi - 2.30 Petang	Jubah Konvokesyen

Graduan diminta supaya membaca dengan teliti panduan Majlis Konvokesyen ke – 10 (2018) dan mengikut arahan yang terkandung di dalamnya.

Pihak RETI amat berharap agar graduan dapat memberikan kerjasama yang sepenuhnya demi kelancaran majlis konvokesyen. Jika mempunyai kemusykilan, para graduan diminta untuk menghubungi pegawai-pegawai yang dinyatakan.

## PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN KE – 10 (2018)

### Pendaftaran pada hari Majlis Konvokesyen

- Graduan yang **hadir pada hari konvokesyen** dikehendaki **mendaftarkan diri** kepada petugas di Kaunter Pendaftaran. Berikut adalah ketetapan semasa pendaftaran:
  - Tempat : AKAN DIMUMUMKAN KEMUDIAN**
  - Tarikh : 28 Julai 2018 (Sabtu)**
  - Masa : 7.00 pagi – 7.30 pagi**
- Sewaktu pendaftaran pada hari konvokesyen, graduan dikehendaki menunjukkan **SURAT JEMPUTAN KONVOKESYEN** kepada pegawai bertugas. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mendaftar untuk menyertai Majlis Konvokesyen tanpa surat jemputan.
- Graduan yang datang selepas perarakan masuk pada hari konvokesyen, **TIDAK DIBENARKAN** menyertai Majlis Konvokesyen.
- Graduan diminta supaya **TIDAK MEMBAWA** sebarang beg / beg tangan semasa melaporkan diri dan **TIDAK DIBENARKAN** membawa masuk ke dalam dewan. Hanya **Q-CARD** sahaja yang perlu dibawa bersama.
- Pihak RETI berhak **MENGHALANG** graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai Majlis Konvokesyen.
- Semua graduan **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan dewan sehingga selesai Majlis Konvokesyen.

## Kajian Pengesanan Graduan IPT 2018 & Alumni

- Semua bakal graduan **DIWAJIBKAN** mengisi borang kajian pengesanan graduan IPT 2018.
- Panduan mengisi borang kajian adalah seperti berikut:
  - I. Buka laman web utama kajian : <http://graduan.mohe.gov.my/v/>
  - II. Paparan laman rasmi Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Tinggi.
  - III. Klik butang **log masuk graduan**
  - IV. Di ruangan login di sini, masukkan **No. Kad Pengenalan / Passport / Tentera**, pilih jenis **institusi** dan pilih (**Nama institusi**)
  - V. Skrin akan memaparkan **Maklumat Graduan** dan bakal graduan dikehendaki melengkapkan borang kajian dengan mengisi maklumat yang dikehendaki sehingga selesai.
  - VI. Klik **CETAK**.
  - VII. Bakal graduan atau wakil **WAJIB MEMBAWA** pengesanan ini pada **HARI PENGAMBILAN PAKAIAN KONVOKESYEN**
  - VIII. Cetakan ini juga **WAJIB** dibawa oleh graduan yang **TIDAK** menghadiri Majlis Konvokesyen untuk **PENGAMBILAN SIJIL DAN SKROL**.
- Semua bakal graduan **DIWAJIBKAN** mengisi **borang Alumni** (Sila rujuk Lampiran2).

### PERHATIAN

- Kegagalan graduan mengisi dan membawa **borang kajian pengesanan graduan dan borang alumni** akan menyebabkan tuan/puan **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil jubah konvokesyen, sijil dan skrol.
- Bakal graduan boleh mula mengisi kajian pengesanan graduan IPT ini bermula pada .....

## Pembayaran Yuran

### I. Yuran hadir Majlis Konvokesyen

- Semua graduan **DIWAJIBKAN** membuat bayaran yuran konvokesyen.
- Kadar yuran Majlis Konvokesyen bagi setiap program adalah seperti berikut :
  - i) Diploma : RM 350.00 (TERMASUK GST)
  - ii) Ijazah : RM 350.00 (TERMASUK GST)
- Graduan yang mempunyai hutang tertunggak (yuran pengajian/ lain-lain bayaran) **WAJIB** menjelaskan semua pembayaran selewat-lewatnya **sebelum tarikh akhir pembayaran yuran konvokesyen iaitu pada 27 Jun 2018.**

### PERHATIAN

Sekiranya **GAGAL** membuat pembayaran, pihak kolej berhak untuk tidak membenarkan graduan menghadiri Majlis Konvokesyen dan pengambilan sijil, transkrip dan skrol.

### II. Yuran ketidakhadiran Majlis Konvokesyen

- Graduan yang tidak dapat hadir ke Majlis Konvokesyen perlu membuat bayaran sebanyak **RM 160.00** (termasuk GST) untuk bayaran :
  - i) Folder dan sijil-sijil
  - ii) Alumni

## Kaedah Pembayaran

Setiap Pembayaran boleh dibuat melalui:

- ✓ **Terus ke kaunter** kewangan Ranaco Education & Training Institute Sdn Bhd

**ATAU**

- ✓ **Mengisi borang bayaran** di kaunter Maybank dan secara online Maybank2U atas nama:  
**RANACO EDUCATION & TRAINING INSTITUTE SDN BHD**  
**Maybank: 513023721826**

## PERHATIAN

- Graduan **TIDAK BOLEH** membuat bayaran melalui **Cash Deposit Machine (CDM), Interbank Transfer (IBG)** atau sebagainya. Jika graduan membuat pembayaran secara ini, graduan dikira **TIDAK** membuat bayaran kerana sukar dikenalpasti.
- Sila tulis **NAMA, NOMBOR MATRIK, NO KAD PENGENALAN dan NOMBOR TELEFON** graduan pada salinan slip bayaran sebagai rujukan.
- Pastikan salinan slip bayaran **DIEMELKAN** ke alamat berikut:

PROGRAM	EMEL
IJAZAH	<b>konvokesyen18@reti.edu.my</b>
DIPLOMA	

- **SLIP ASAL BAYARAN** haruslah **DISIMPAN** sebagai rujukan.
- Sekiranya pihak kami tidak menerima salinan bukti pembayaran, graduan dianggap masih **BELUM MEMBUAT BAYARAN**.
- Pastikan bakal graduan memaklumkan kepada pihak ahli jawatankuasa jemputan graduan melalui talian seperti berikut selepas anda menghantar salinan slip bayaran melalui emel kepada pihak kami.

NAMA	NO TELEFON
<b>IJAZAH &amp; DIPLOMA</b>	
Pn Erneza binti Rezali	09-859 3800 (samb. 172 / 174)
Pn Nor Fakhriah binti Abdul Karim	
Pn Siti Ramlah binti Ibrahim	
Pn Amalina binti Che Makhtar	
Pn Sharifah Nur Faizah binti Syed Nooh	
Cik Norhayati binti Alias	
Cik Syarifah Nur Rahimiey bt Sayed Abd Rahman	

- Graduan yang menjelaskan bayaran tetapi tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, **tidak boleh menuntut kembali bayaran tersebut**.
- Bayaran **MESTILAH** dijelaskan kepada pihak RETI selewat-lewatnya **27 JUN 2018 sebelum jam 3.00 petang**.
- **Bayaran selepas tarikh tersebut tidak akan diterima**.

## Jubah Graduan

### I. Set Jubah Graduan

- Ijazah & Diploma
  - Jubah dan Mortarboard
  - Hood (warna berbeza mengikut jabatan pengajian masing- masing)

### II. Pengambilan Jubah Graduan

- Graduan diwajibkan menyerahkan “**Slip Pengesahan Kajian**” dan **borang Alumni** serta menunjukkan **Resit Asal Pembayaran Yuran Konvokesyen / Hutang Tertunggak** sebelum mengambil jubah.
- Graduan dinasihatkan supaya mematuhi jadual pengambilan dan pemulangan jubah.

#### Tarikh dan Masa Pengambilan Pakaian konvokesyen

PROGRAM	TARIKH	MASA	TEMPAT	PAKAIAN KONVOKESYEN
IJAZAH & DIPLOMA	AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN	9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.00 – 4.00 petang 12.00 tengahari – 1.00 petang 2.30 – 4.30 petang	AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN	JUBAH, MORTARBOARD & HOOD (IJAZAH & DIPLOMA)

### III. Wakil Pengambilan Jubah

- Graduan yang tidak dapat mengambil sendiri jubah konvokesyen mereka, **DIBENARKAN WAKIL** untuk mengambilnya.
- Pelajar **WAJIB** mengisi “**BORANG wakil pengambilan jubah konvokesyen**” (LAMPIRAN 1).
- Borang tersebut **WAJIB DIBAWA** oleh wakil semasa pengambilan jubah konvokesyen berserta **SALINAN KAD PENGENALAN GRADUAN DAN**

**WAKIL, BORANG ALUMNI dan CETAKAN BORANG PENGESANAN GRADUAN** yang diwakilkan.

- Wakil **TIDAK DIBENARKAN** mengambil jubah konvokesyen sekiranya tidak membawa bersama borang dan lampiran yang dinyatakan.

#### IV. Pemulangan Jubah

##### Tarikh dan Masa Pemulangan Pakaian Konvokesyen

PROGRAM	TARIKH	MASA	TEMPAT	PAKAIAN KONVOKESYEN
JAZAH & DIPLOMA	28 Julai 2018 (Sabtu)	Selepas selesai Majlis Konvokesyen sehingga 4.00 petang	AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN	SET JUBAH (JAZAH & DIPLOMA)

- Jika graduan gagal memulangkan jubah pada waktu yang ditetapkan, denda akan dikenakan sebanyak RM100.

#### V. Syarat Penyewaan Jubah

Syarat dan maklumat penting mengenai penyewaan pakaian konvokesyen adalah seperti berikut:

- Graduan adalah bertanggungjawab kepada pakaian konvokesyen yang disewa.
- Sebarang kehilangan dan kerosakan kepada pakaian konvokesyen adalah tanggungjawab graduan.
- Sekiranya graduan menyebabkan pakaian konvokesyen yang dipinjam rosak atau hilang, denda yang dikenakan adalah seperti berikut:

BIL	JENIS	DENDA
1	Jubah	RM 500.00
2	Mortarboard	RM 200.00
3	Uniform	RM 300.00
4	Topi	RM 50.00
5	Hood	RM 100.00

## VI. Maklumat Penting Semasa Pemulangan Pakaian konvokesyen

Pastikan pakaian konvokesyen yang dipulangkan dalam keadaan baik. Graduan perlu mematuhi langkah-langkah berikut semasa memulangkan pakaian konvokesyen:-

- Serahkan pakaian konvokesyen
- Tandatangan pada borang pemulangan yang disediakan di kaunter.
- Tuntut skrol dan transkrip di kaunter skrol dan transkrip. Skrol dan transkrip hanya akan diserahkan sekiranya graduan telah :-
  - ✓ Menjelaskan semua hutang Institut samaada hutang dengan Bahagian Kewangan (yuran pengajian / penginapan / pengangkutan) atau Perpustakaan.
- Sila pastikan graduan mengingati nombor tuntutan skrol dan transkrip.
- Skrol dan transkrip diserahkan dan graduan perlu menandatangani senarai yang disediakan.
- Segala pertanyaan lanjut **mengenai jubah** majlis konvokesyen hendaklah berhubung dengan:

PROGRAM	STAF YANG BOLEH DIHUBUNGI
JAZAH & DIPLOMA	Pn. Siti Aishah binti Ariffin Pn. Wan Nor Murnira binti Wan Draman (+609-8593800 samb: 172 / 174)



## Etika Berpakaian Graduan Dan Tetamu

GRADUAN/ TETAMU	PEMAKAIAN	PENAMPILAN DIRI
GRADUAN LELAKI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemeja berwarna cerah, berlengan panjang dan <b>TIDAK BERCORAK</b>.</li> <li>• Bertali leher.</li> <li>• Seluar slack berwarna hitam.</li> <li>• Kasut kulit/PVC gelap dan berstokin (<b>kasut sukan atau sandal tidak dibenarkan</b>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rambut – pendek, kemas dan tidak diwarnakan</li> </ul>
GRADUAN WANITA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Baju kurung tradisional atau kebaya labuh.</li> <li>• Graduan wanita yang bertudung digalakkan memakai tudung berwarna cerah.</li> <li>• Kasut bertutup penuh. Sandal samada bertali atau tidak adalah <b>tidak dibenarkan</b>. Berkasut hitam, bertumit yang tidak melebihi 2 ½ inci.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Graduan wanita yang tidak memakai tudung – rambut hendaklah didandan dengan kemas jika panjang serta tidak diwarnakan.</li> </ul>
TETAMU LELAKI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lounge Suit / baju batik / kemeja berlengan panjang / baju kebangsaan</li> <li>• Kasut bertutup</li> </ul>	-
TETAMU WANITA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rasmi / kebangsaan / bersesuaian</li> <li>• Kasut bertutup</li> </ul>	-

**PIHAK KOLEJ MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KONVOKESYEN SEKIRANYA TIDAK MEMATUHI PERATURAN PEMAKAIAN KONVOKESYEN DAN PENAMPILAN DIRI YANG DITETAPKAN.**

- Untuk etika berpakaian, sila rujuk Lampiran 3.

## Tetamu

- Setiap graduan akan diberikan **DUA (2)** keping pas masuk ke dalam majlis untuk dua **(2) orang tetamu** sahaja.
- Pas ini akan diserahkan kepada graduan semasa sesi pengambilan jubah di kaunter pengambilan jubah.
- Tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing pada 28 Julai 2018 mulai 8.00 pagi.
- Tetamu yang berumur di bawah 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.

## Peraturan Am

- Graduan adalah dinasihatkan supaya tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, video, kamera, telefon bimbit, alat kelui (pager) atau sebagainya ke dalam dewan.
- Semasa Majlis sedang berlangsung graduan dan ibu bapa / tetamu diminta menghormati Majlis dengan tidak membuat bising.
- Semasa Majlis sedang berlangsung di **AKAN DIUMUMKAN KEMUDIAN**, graduan dan juga tetamu yang lain adalah dilarang sama sekali mengambil gambar / video. Graduan hendaklah memberitahu hal ini kepada ibu bapa / tetamu.
- Graduan dan ibu bapa / tetamu dilarang meninggalkan majlis semasa Majlis Konvokesyen sedang berjalan.
- Graduan dan ibu bapa / tetamu dilarang memakai 'jeans', selipar, sandal, dan kemeja T semasa Majlis Konvokesyen
- Graduan dan ibu bapa / tetamu yang tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan di atas adalah dilarang daripada menyertai Majlis Konvokesyen ini.

## SENARAI SEMAK

BIL	PERKARA	SEMAK
1	Pastikan ejaan nama graduan dalam semua borang sama seperti dalam kad pengenalan.	
2	Pastikan segala <b>HUTANG</b> yuran pengajian (sekiranya ada) <b>DIJELASKAN</b> .	
3	Jelaskan <b>YURAN KONVOKESYEN</b> selewat-lewatnya <b>27 Jun 2018 sebelum jam 3.00 petang</b> .	
4	Pastikan <b>BORANG KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT</b> telah lengkap <b>DIISI</b> dan <b>DICETAK</b> untuk <b>DIBAWA</b> semasa <b>PENGAMBILAN PAKAIAN KONVOKESYEN</b> .	
5	Hantarkan <b>SALINAN SLIP BAYARAN KONVOKESYEN</b> melalui emel.	
6	<b>SIMPAN RESIT PEMBAYARAN</b> dan bawa bersama semasa pengambilan pakaian graduasi	
7	Bawa <b>BORANG WAKIL PENGAMBILAN PAKAIAN KONVOKESYEN</b> sekiranya menggunakan wakil untuk mengambil dan berserta <b>SALINAN KAD PENGENALAN GRADUAN DAN WAKIL</b> dan <b>CETAKAN BORANG KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT</b>	
8	Bawa Q-card semasa menghadiri Majlis Konvokesyen	